

Amanat PM

KUALA LUMPUR, Isnin.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam siri pertemuan dengan ahli-ahli Exco Negeri-Negeri di Bangunan Parlimen hari ini menekankan pentingnya kecekapan mentadbir Kerajaan Negeri berlandaskan konsep bersih, cekap dan amanah.

Pertemuan pertama itu adalah dengan ahli-ahli Exco Negeri Perak diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Seri Wan Mohamad Wan Teh.

Banyak perkara yang dibincangkan dalam pertemuan sejam itu term-

asuk melibatkan untuk mengeratkan hubungan Kerajaan Negeri dan Pusat.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menjelaskan perkara-perkara yang boleh mereka dan tidak boleh mereka buat sewaktu mentadbir Kerajaan Negeri itu.

Sumber-sumber memberitahu, amanat Perdana Menteri itu akan disebarkan kepada ahli-ahli Exco dari negeri lain yang akan menemui beliau secara berperingkat-peringkat.

Bagaimanapun, jelas sumber itu lagi, hubungan yang lebih erat antara Kerajaan Negeri

dan Pusat menarik minat Perdana Menteri.

Ini disebabkan di masa-masa lalu terdapat projek-projek Kerajaan Pusat tergendala atau lewat siap mengikut jadual kerana berbagai masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri.

Ahli-ahli Exco itu juga diminta mengutamakan fotfolio yang diberi kepada mereka dan dijalankan sejajar dengan dasar-dasar Kerajaan.

Perdana Menteri dijangka menemui Menteri Besar Negeri Sembilan, Encik Mohd. Isa Datuk Abdul Samad dan lapan ahli Exconya, esok.